



BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN
IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7
62250 PUTRAJAYA.

Surat ini telah di faxkan
pada 22/1/15.....



Telefon : 603-88880036
Facsimile : 603-88927977/88927978
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : bkkjbpm@bomba.gov.my


Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK: 700-5/2 Jld.2 (S)

Tarikh : 22 Januari 2015

Pengurus Besar – Pembangunan
7-Eleven Malaysia Sdn. Bhd.
Level 3A. Podium Block, Plaza Berjaya
No. 12, Jalan Imbi
55100 KUALA LUMPUR.

(u.p: Encik Hor Kar Shan)



YS. Dato' / Tuan,

SURAT KELULUSAN AM BOMBA BAGI PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN UNTUK PREMIS 7-ELEVEN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada surat tuan Ruj: SA-1501-0018 bertarikh 9 Januari 2015 mengenai perkara di atas.

2. Memaklumkan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) tidak mengeluarkan apa-apa sokongan pelesenan dalam bentuk menyeluruh (blanket approval), sebaliknya sokongan dikeluarkan secara berasingan ke atas sesebuah premis berdasarkan pematuhan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UuKBS) 1984. Pada tahun 2009, jabatan ini telah menetapkan beberapa kategori premis boleh beroperasi tanpa memerlukan sokongan atau rujukan kepada jabatan ini berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

3. Pada dasarnya semua jenis kategori kedai mengikut Jadual Kelima, UuKBS 1984 yang beroperasi di tingkat aras tanah (tingkat bawah) dan keluasan lantai keseluruhan tidak melebihi 750 meter persegi (m^2) adalah tidak memerlukan sokongan pelesenan dari JBPM dengan syarat premis telah memiliki Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) atau Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) dan tidak melakukan apa-apa pindaan atau pengubahsuaian terhadap premis yang diluluskan seperti kelulusan pelan asal (pelan bangunan). Contoh premis dalam kategori ini ialah kedai runcit, kedai makan/minuman, bengkel kereta, kedai dobi, kedai aksesori, salun rambut, kedai alat tulis dan lain-lain.

...2/

'CEPAT DAN MESRA'



5. Sehubungan itu, sekiranya kedai serbanika 7-Eleven yang beroperasi di tingkat bawah bangunan kedai pejabat yang berkeluasan kurang daripada 750m² tidak perlu dirujuk kepada jabatan ini untuk sokongan pelesenan. Bagaimanapun pihak tuan dinasihatkan supaya memastikan alat pemadam api, lampu kecemasan dan petunjuk tanda 'KELUAR' berfungsi dengan baik.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"1 Malaysia" Rakyat Didahulukan. Pencapaian Diutamakan.

Saya yang menurut perintah,


(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

s.k.

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM W.P. Kuala Lumpur

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Selangor

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Johor

 Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Pulau Pinang

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Perlis

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Kedah

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Perak

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM W. P. Putrajaya

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Sembilan

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Melaka

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Pahang

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Kelantan

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Terengganu

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Sarawak

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM Negeri Sabah

Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran JBPM W.P. Labuan